

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 14 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 03

Luar bandar tidak diabaikan – Ahmad Zahid

KUALA LUMPUR 13 Feb. - Kerajaan tidak akan mengabaikan kawasan luar bandar meskipun fokus lebih diberikan kepada isu-isu perbandaran dan juga bandar raya, tegas Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Lebih-lebih lagi, kata Timbalan Perdana Menteri, kawasan bandar dan luar bandar dilihat semakin berhubung kait antara satu sama lain ketika ini.

Beliau berkata, kawasan luar bandar telah menjadi lokasi untuk meluangkan masa serta bersantai dan berfungsi sebagai tempat rekreasi.

“Terdapat juga indikasi menunjukkan peningkatan perbandaran membawa kepada penghargaan yang lebih terhadap kawasan hijau yang terletak jauh dari bandar.

“Malaysia akan memastikan polisi-polisi awam, bandar serta pelan-pelan serantau membantu dalam menyokong pertumbuhan ekonomi dan pada masa sama melindungi penggunaan alam sekitar dan tanah pertanian,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena penutup Forum Bandar Sedunia Kesembilan (WUF9) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.

Yang turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan serta Pengarah Eksekutif di UN-Habitat, Datuk Maimunah Mohd. Sharif.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid memberitahu, Malaysia telah mempunyai perancangan ekonominya tersendiri selain pembangunan fizikal negara termasuklah rangka kerja pembangunan bandar.

Katanya, perancangan-perancangan itu menyokong kemampuan pembangunan, pertumbuhan dan pengurusan bandar-bandar di negara ini.

“Untuk melaksanakan segala strategi dan program itu, kami memperkukuhkan peranan kera-

Waktu Solat		MBSB				
SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK	
KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya						
6.10	7.26	1.30	4.49	7.29	8.40	
PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya						
6.17	7.33	1.35	4.55	7.33	8.43	
KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya						
6.05	7.21	1.25	4.44	7.24	8.35	
JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya						
6.00	7.18	1.22	4.40	7.22	8.33	
KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya						
5.35	6.53	12.57	4.15	6.57	8.08	

jaan tempatan sebagai peringkat ketiga jentera kerajaan supaya lebih inovatif, efisien dan mampu bekerjasama dengan komuniti, sektor swasta selain organisasi dari luar negara,” jelas beliau.